



## SIARAN MEDIA

---

### **NORMAN MATTHIEU VANHAECKE DILANTIK SEBAGAI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN CRADLE FUND SDN BHD**

---

**KUALA LUMPUR, 28 November 2023** – Ahli Lembaga Pengarah Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle), agensi fokal ekosistem startup Malaysia di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), dengan sukacitanya mengumumkan pelantikan Norman Matthieu Vanhaecke sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, berkuatkuasa pada 23 November 2023.

Dilahirkan daripada keturunan Melayu dan Belgium, Norman telah menjawat jawatan sebagai Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cradle sejak 1 Jun 2022. Sebelum menyertai Cradle pada tahun 2020 dan menyandang jawatan sebagai Ketua Kewangan dan Perkhidmatan Korporat, beliau telah berkhidmat sebagai juruaudit di KPMG serta memegang pelbagai jawatan utama di bahagian Strategi, Kewangan dan Pengurusan bagi syarikat petroleum tempatan, serta syarikat multinasional dan agensi kerajaan. Beliau memiliki ijazah dalam bidang Perakaunan daripada University of Queensland, Australia, dan ijazah dalam Kejuruteraan Perisian daripada Universiti Multimedia, Malaysia. Latar belakang serta bidang pengajian beliau telah memupuk minat Norman dalam bidang teknologi dan inovasi, dalam masa yang sama, melonjakkan semangat beliau dalam memacu startup tempatan untuk menjadi lebih berdaya saing di peringkat global.

Pengerusi Cradle Datuk Yvonne Chia menyokong pelantikan ini, tambah beliau Ahli Lembaga Pengarah Cradle mengutamakan kenaikan pangkat secara dalaman kerana ia mencerminkan kepakaran bakat Cradle. “Sejak 18 bulan lalu, Norman telah membuktikan kepimpinan beliau sebagai Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan yang dilihat telah memberi impak yang ketara kepada Cradle.

Dengan latar belakang serta rekod pencapaian yang memberangsangkan, saya yakin Cradle akan terus menerajui agenda startup negara dan terus memberi impak positif kepada masyarakat, individu dan perniagaan, selari dengan aspirasi Malaysia MADANI,” kata Datuk Yvonne.

Cradle merakamkan setinggi penghargaan atas sokongan yang diberikan oleh Kementerian Kewangan (MOF) dan MOSTI sejak penubuhan agensi ini. Kerjasama erat di antara Cradle dan kedua-dua kementerian ini telah memainkan peranan penting dalam membentuk ekosistem startup yang inklusif, berkesan dan mampan, sejajar dengan sasaran Kerajaan untuk meletakkan Malaysia dalam 20 Ekosistem Startup Global Terbaik menjelang 2030. Komitmen teguh MOF dan MOSTI telah memacu pertumbuhan startup dan menyumbang kepada landskap ekonomi yang menyeluruh.

Untuk maklumat lanjut mengenai Cradle, sila layari [www.cradle.com.my](http://www.cradle.com.my).

**#TAMAT#**

Disediakan oleh

**CRADLE FUND SDN BHD (CRADLE)**  
**28 November 2023**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

**Elmy Fairuz Azmi**  
PR & Media  
Komunikasi Strategik  
Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle)  
+6012-271 3457  
[elmy@cradle.com.my](mailto:elmy@cradle.com.my)

## **MENGENAI CRADLE FUND SDN. BHD.**

Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle), agensi fokal bagi startup peringkat awal di Malaysia, diperbadankan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia pada 2003 dengan mandatnya menyediakan dana kepada syarikat permulaan berpotensi dan berkaliber tinggi dalam bidang teknologi melalui Program Pelaburan Cradle (Cradle Investment Programme, CIP).

Sepanjang sejarahnya, Cradle telah membantu membiayai lebih 1000 startup di Malaysia dan mempunyai kadar pengkomersilan tertinggi dalam geran kerajaan di negara ini. Dengan lebih sedekad pengalaman dalam sektor pendanaan geran negara, Cradle meluaskan lagi peranannya daripada penyedia geran kepada pelabur melalui penubuhan cabang usaha niaganya, Cradle Seed Ventures pada 2015 dan susulan pengembangan portfolionya kepada pelaburan ekuiti pada awal 2017, Cradle kini menawarkan bantuan pendanaan dan pelaburan.

Kini, dua geran baharu disediakan untuk ekosistem startup iaitu CIP SPARK dan CIP SPRINT. Diperuntukkan di bawah RMK-12, CIP SPARK ialah program pembiayaan yang menyasarkan startup teknologi bagi pembangunan idea dan Produk Berdaya Maju Minimum (MVP) serta aktiviti pra-pengkomersilan lain dan CIP SPRINT adalah untuk pengkomersialan produk dan perkhidmatan teknologi yang inovatif, bertujuan untuk membantu startup teknologi peringkat awal untuk membangunkan dan mengkomersilkan produk mereka di pasaran.

Sehubungan dengan pengumuman Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) pada tahun 2021, Cradle telah dilantik menjadi agensi focal point bagi ekosistem startup telah diberi mandat untuk memastikan kejayaan sebuah ekosistem terangkum untuk membolehkan dan menggalakkan pertumbuhan di kalangan startup. Cradle juga menerajui Program MYStartup - salah satu intervensi yang dikenal pasti di bawah lima Pemacu Ekosistem dalam SUPER - di mana ia menyumbang secara langsung kepada usaha dalam meningkatkan bilangan startup yang inovatif dan berkualiti

Cradle turut menjalankan program yang dipacu pasaran untuk melatih usahawan dan mengurus tadbir Angel Tax Incentive (ATIO), yang direka bagi pelabur budiman untuk diberikan potongan cukai sehingga RM500,000 bagi merangsang dan menggalakkan pelaburan budiman daripada sektor swasta ke dalam startup berasaskan teknologi di Malaysia.

Penawaran produk Cradle tidak hanya terhad kepada bantuan kewangan, tetapi juga termasuk sokongan pengkomersilan, latihan dan pelbagai perkhidmatan nilai tambah untuk memenuhi keperluan usahawan yang pelbagai pada masa ini.

Untuk maklumat lanjut berkenaan Cradle, sila layari [www.cradle.com.my](http://www.cradle.com.my)